

# Keluarga Shahrizat beri kerjasama penuh isu fidlot

**K**UALA LUMPUR: Pengerusi Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp), Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail berkata, beliau dan keluarga sudah memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung isu Pusat Fidlot Nasional (PFN).

Katanya, kehadiran isterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil di Ibu Pejabat SPM, kelmarin menandakan mereka bersedia memberikan kerjasama untuk memudahkan siasatan.

Bagaimanapun, beliau enggan

mengulas lanjut apabila ditanya mengenai proses soal siasat ke atas Shahrizat yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dilaporkan mengambil masa sehingga dua jam



*Lebih baik bertanya dengan SPM. Bagi kami, kami memberikan sepenuh kerjasama kepada mereka* **99**

**Mohamad Salleh Ismail**  
Pengerusi Eksekutif NFCorp

setengah, kelmarin.

“Lebih baik bertanya dengan SPM. Bagi kami, kami memberikan sepenuh kerjasama kepada mereka,” katanya dalam jawapan ringkas khidmat pesanan ringkas (SMS), semalam.

Akhbar semalam melaporkan, Shahrizat merangkap Ketua Wanita UMNO yang kembali memulakan tugas selepas bercuti tiga minggu dilaporkan berkata, kehadirannya di SPM bertujuan membantu siasatan berhubung isu PFN yang diuruskan NFCorp diketuai suaminya.

Shahrizat bercuti daripada menjalankan tugas sebagai menteri se-

lama tiga minggu dan berharap dalam tempoh itu SPM akan menjalankan siasatan mengenai NFCorp milik suaminya yang dikaitkan dengannya.

Projek PFN diuruskan NFCorp, anak syarikat Agroscience Industries Sdn Bhd (Agroscience) di Gemas, Negeri Sembilan dikecam pembangkang yang mendakwa wujud penyelewengan dana kerajaan membabitkan pinjaman mudah bernilai RM250 juta.

Laporan Ketua Audit Negara 2010 menyatakan NFCorp berdepan masalah apabila sasaran pengeluaran dikurangkan daripada 60,000 ekor kepada 8,000 ekor lembu.